**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**ISNIN 8 OGOS 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | ELAK SOROK, CATUT MINYAK MASAK, UTUSAN SARAWAK -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | RASAI PENGALAMAN MENUAI PADI DI LAMAN JENTERA MAHA 2022, UTUSAN SARAWAK -ONLINE | |
| 3. | PROGRAM SMART SBB BERJAYA BANTU PESAWAH TINGKAT HASIL PADI, UTUSAN SARAWAK -ONLINE | |
| 4. | SMART SBB HELPS FARMERS INCREASE RICE YIELD – RONALD, THE BORNEO POST (SARAWAK) -ONLINE | |
| 5. | ARTIS SEBAR MESEJ PERPADUAN DI MAHA 2022, BH -ONLINE | |
| 6. | GUNA TEKNOLOGI URUS SAWAH, LADANG, BH -ONLINE | |
| 7. | VISITORS GET TO EXPERIENCE PADI HARVESTING AT MAHA 2022, THE BORNEO POST (SARAWAK) -ONLINE | |
| 8. | JOM OOTD DI LAMAN AGRO-FOOD FLORIKULTUR, UM -ONLINE | |
| 9. | GALAK PENGGUNAAN TEKNOLOGI, INOVASI DALAM INDUSTRI PADI, SH -ONLINE | |
| 10. | WIRA AGRO TERIMA MANFAAT SPBT – MAFI, KOSMO -ONLINE | |
| 11. | MYSE SASAR NILAI JUALAN RM15 JUTA, KOSMO -ONLINE | |
| 12. | AGRO HEROES HAILED FOR SEEDING FOOD SECURITY, THE STAR -ONLINE | |
| 13. | RM30MIL SET ASIDE FOR COMMUNITY GARDENS, THE STAR -ONLINE | |
| 14. | GUANG MING DAILY -ONLINE | |
| 15. | MAKKAL OSAI -ONLINE | |
| 16. | SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 17. | MAFI DRAFTING A BILL TO ENSURE THE SAFETY OF PLANT, NANYANG SIANG PAU -ONLINE | |
| 18. | GUANG MING DAILY -ONLINE | |
| 19. | FAMA BUKA 99 GERAI, UM -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 20. | TEKNOLOGI MARDI PACU INDUSTRI PERTANIAN, UM -ONLINE | INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 21. | MARDI SHOWCASES TECH FOR COMMERCIAL VEGETABLE PRODUCTION, DAILY EKSPRESS (SABAH) -ONLINE | |
| 22. | JENTERA BAJAK TAHUN 1952, HM -ONLINE | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 23. | GET A FEEL OF THE AGRI LIFE, THE STAR -ONLINE | |
| 24. | DON'T HOARD, RATION COOKING OIL, ANNUAR TELLS TRADERS, RETAILERS, THE STAR -ONLINE | LAIN-LAIN |
| 25. | PN WILL CONTINUE TO SUPPORT PM FOR STABILITY, THE BORNEO POST (SABAH) -ONLINE | |
| 26. | PN TERUS SOKONG ISMAIL SABRI, SH -ONLINE | |
| 27. | PERPADUAN: KITA MASIH BELUM MENANG, UM -ONLINE | |
| 28. | SOLUTION FOR PRICE HIKE NEEDED, MALAYSIAN NANBAN -ONLINE | |
| 29. | BERTANI JUGA CABAG TVET, HM -ONLINE | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Elak sorok, catut minyak masak

**SERDANG**: Pihak yang terlibat secara langsung dalam ekosistem pengeluaran dan penjualan minyak masak diminta agar tidak menyorok atau mencatut produk itu berikutan penetapan harga maksimum pada RM34.70 bagi botol lima kilogram yang berkuat kuasa esok.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi Tan Sri Annuar Musa berkata perkara itu pada akhirnya akan merugikan peniaga dan peruncit selain mendatangkan masalah kepada pengguna.

"Jangan kerana harga minyak akan turun, kita mula sorok barang ia tidak akan menyelesaikan masalah," katanya kepada pemberita selepas melawat Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyorok produk itu ketika ia dijual pada harga murah sekali gus mengundang kegusaran bekalan minyak masak menjadi terhad di pasaran.

Annuar turut mengingatkan mereka agar tidak terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang dan meminta semua pihak mematuhi keputusan kerajaan apabila sesuatu barangan atau komoditi dimasukkan dalam senarai harga maksimum.

Beliau juga berkata impak positif kerjasama rentas agensi terserlah apabila terdapat pasar raya yang mula menurunkan harga bagi minyak masak botol tidak bersubsidi walaupun penetapan harga siling bagi produk itu berkuat kuasa esok.

"Setakat ini, saya berpuas hati kerana selepas pengumuman harga maksimum untuk minyak masak, belum sampai 8 Ogos ramai sudah turunkan harga lebih rendah daripada RM34.70.

"Semalam saya di Melaka, ayam dijual pada harga RM7.99 sekilogram biarpun harga siling RM9.40. Maknanya kita boleh buat (turunkan harga) tapi perlukan kerjasama semua pihak," katanya.

Kerajaan sebelum ini memutuskan bahawa harga minyak masak sawit tulen tidak bersubsidi dalam botol lima kilogram ditetapkan pada RM34.70 yang berkuat kuasa hari ini (8 Ogos) dan harga minyak masak akan ditetapkan setiap bulan menerusi pengumuman oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Mengenai MAHA2022, Annuar berkata tumpuan beliau adalah terhadap aspek teknologi dan aplikasi digital dalam bidang pertanian yang memainkan peranan penting sebagai langkah menjamin sekuriti makanan bagi tempoh jangka panjang.

Katanya kerajaan akan terus menggalakkan petani agar mengaplikasi elemen teknologi dalam bidang pertanian memandangkan digitalisasi semakin dijadikan keutamaan dalam semua aspek. - Bernama




**MENTERI** Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa (dua, kiri) bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (tiga, kanan) beramah mesra dengan atlet negara Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah (tiga, kiri) dan Shalin Zulkifli (empat, kiri) yang turut diundang sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam. • Foto BERNAMA

# Rasai pengalaman menuai padi di Laman Jentera MAHA 2022




ORANG ramai berpeluang mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) yang berlangsung selama 11 hari. • Foto BERNAMA

**SERDANG**: Buat kali pertama, simulasi menuai padi akan ditonjolkan sebagai tarikan baharu di Laman Jentera pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang bermula hari ini (8 Ogos) hingga 14 Ogos ini.

Pengarah Bahagian Kejuruteraan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Zaipudin Mohamad berkata, simulasi menggunakan Simulator Combine Harvestor itu disediakan bagi membolehkan pengunjung merasai sendiri pengalaman menuai padi di sawah dengan mengoperasikan mesin jentuai.

"Seakan simulasi penerbangan, simulasi ini memberikan pengalaman secara maya kepada pengunjung untuk mengoperasikan mesin jentuai di sawah berbanding pendekatan pergi sendiri ke tempat sebenar (sawah) tetapi tiada kemahiran untuk membawa mesin tersebut.

"Di sini kita ada pengajar yang akan mengajar cara-cara mengoperasikan mesin malah hasil tuaian yang kita peroleh juga akan dipaparkan pada skrin besar simulator, seolah-olah kita memang sedang berada di sawah untuk menuai padi," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Selain tarikan itu, Zaipudin berkata, pihaknya turut akan mempamer tujuh jentera klasik di Muzium Mini Jentera bagi membolehkan pengunjung mengenali secara lebih dekat peralatan pertanian yang digunakan petani pada era antara 1905 hingga 1957.

Antara peralatan itu ialah Bajak Pahat dan traktor Field Marshall (model K4462) yang masing-masing dibeli oleh Jabatan Pertanian pada 1905 dan 1952 untuk melaksanakan kerja-kerja pembukaan kawasan baharu daripada kawasan hutan dara menjadi projek pertanian.

"Peralatan Bajak Pahat dioperasikan dengan cara ditarik oleh traktor berkuasa 100hp 4WD ke atas atau bulldozer, berfungsi mengeluarkan batu dan tunggul kayu serta memecah dan melonggarkan tanah yang keras dan kering sebelum penggunaan alat pembajakan biasa.

"Traktor Field Marshall pula diguna untuk membajak dan dikeluarkan oleh syarikat Marshall, Sons & Co. of Gainsborough Lincolnshire United Kingdom dari 1945 hingga 1957," katanya.

Zaipudin berkata secara keseluruhan, terdapat 40 pempamer dan 15 agensi kerajaan akan memperkenalkan produk masing-masing di Laman Jentera dengan sasaran menarik lebih 300,000 pengunjung.

"Pada edisi MAHA 2018 yang lepas, laman ini berjaya merekodkan RM1.8 juta nilai jualan menerusi penjualan pelbagai peralatan pertanian khususnya jentuai mini. Oleh itu, sudah tentu kami mengharapkan perkara yang sama tahun ini atau lebih baik," katanya.

Laman Jentera adalah satu daripada lapan laman pertanian selain Laman Perikanan, Laman Padi, Laman Ternakan, Laman Herba dan Sayur, Laman Buah-Buahan, Laman Nanas, dan Laman Florikultur yang mewarnai MAHA 2022 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini. - Bernama

# Program SMART SBB berjaya bantu pesawah tingkat hasil padi

**SERDANG:** Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diperkenalkan sejak Februari tahun lepas, telah berjaya membantu pesawah meningkatkan produktiviti hasil padi mereka, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, SMART SBB yang merupakan hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara, telah dilaksanakan di sembilan buah negeri melibatkan hampir 5,000 pesawah dengan keluasan melebihi 11,000 hektar.

"Dari segi prestasi pelaksanaan, program membabitkan 24 syarikat termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) ini, telah terbukti dapat meningkatkan purata hasil padi sehektar di kawasan-kawasan terlibat.

"Sebagai contoh di Sekinchan, Selangor, kawasan padi seluas lebih 100 hektar telah berjaya meningkatkan purata hasil hampir empat kali ganda, iaitu daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada lapan hingga 10 tan metrik sehektar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Laman Padi serta Pelancaran Logo SMART SBB dan Sistem Pengurusan Maklumat Beras (Rice Information Management System-RIMS), Ladang'57 iaitu Beras Wangi Horeca dan 3FR SOP Manual bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Ronald berkata, kejayaan program SMART SBB juga telah dimanifestasikan dalam penghasilan produk baharu oleh syarikat peneraju, yang terlibat membabitkan produk berasaskan varieti beras istimewa iaitu Ladang'57 Beras Wangi HoReCa, dihasilkan peserta program di Seberang Perak, Perak dan Barat Laut, Selangor.

"Melangkah ke hadapan, pada hari ini (semalam) kita juga menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) SMART SBB antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan tiga lagi syarikat peneraju iaitu Syarikat Mastani Sdn Bhd, Konsortium Padi dan Beras Rakyat Sdn Bhd serta Syarikat Qudsi Global Sdn Bhd.

"Diharapkan, lebih banyak syarikat swasta akan menyertai program SMART SBB ini, bagi terus menjayakan matlamat yang disasarkan oleh kerajaan iaitu tahap sara diri (SSL) beras kepada 75 peratus menjelang 2025," katanya

Mengenai Aplikasi Rice Information Management System (RIMS) yang dilancarkan hari ini, beliau berkata aplikasi berkenaan adalah satu sistem sokongan keputusan digital.

"Ia menggunakan teknologi Internet Benda (IoT), kecerdasan buatan, data raya (big data) dan teknologi sensor atau satelit untuk memberikan nasihat masa nyata (real time), ramalan dan preskripsi untuk industri penanaman padi," katanya. - Bernama



**MAJLIS PERASMIAN...** Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (tiga, kiri) bergambar pada Majlis Perasmian Logo Smart SBB, Aplikasi Rice Information Management System (RIMS), Ladang '57 Beras Wangi Horeca dan 3FR SOP Manual sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam. • Foto BERNAMA

# SMART SBB helps farmers increase rice yield — Ronald

**SERDANG:** The Large-Scale SMART Paddy Field (SMART SBB) programme, first introduced in February last year, has successfully helped paddy farmers increase their productivity, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said that SMART SBB, which is a new direction for the country's rice and paddy industry, has been implemented in nine states, involving nearly 5,000 paddy farmers, with a cultivation area of more than 11,000 hectares.

"In terms of implementation performance, the programme, which involves 24 companies including government-linked companies (GLC), has proven to increase the average yield of rice per hectare.

"For example, in Sekinchan, Selangor, a paddy cultivation area of over 100 hectares has managed to increase the average yield almost four times, from 2.5 metric tonnes per hectare to eight to 10 metric tonnes per hectare," he said.

He said this when officiating the Laman Padi and the launch of the SBB SMART logo; Rice Information Management System (RIMS); Ladang'57 Beras Wangi Horeca and 3FR SOP Manual.

The event was held in conjunction with Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha) 2022, at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), here yesterday.

Ronald said that the success of the SMART SBB programme has also been manifested in new products by the leading companies involved, based on a special rice variety – Ladang'57 Beras Wangi HoReCa – produced by programme participants in Seberang Perak, Perak and Barat Laut, Selangor.




**Ronald (third left) watches the gimmick after launching the SBB SMART logo.** — Bernama photo

> In terms of implementation performance, the programme, which involves 24 companies including government-linked companies (GLC), has proven to increase the average yield of rice per hectare.
>
> **Datuk Seri Dr Ronald Kiandee**

"Moving forward, today we also witnessed the exchange of SMART SBB memorandum of understanding (MoU) documents between the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) and three companies, namely Syarikat Mastani Sdn Bhd, Konsortium Padi dan Beras Rakyat Sdn Bhd and Syarikat Qudsi Global Sdn Bhd.

"It is hoped that more companies will participate in this SMART SBB programme to achieve the goal targeted by the government, which is rice self-sufficiency level (SSL) to 75 per cent by 2025," he said.

On the Rice Information Management System (RIMS) application that was launched yesterday, he said that the application is a digital decision support system.

"It uses Internet of Things (IoT) technology, artificial intelligence, big data, and sensor or satellite technology to provide real-time advice, forecast, and prescriptions for the rice cultivation industry," he said.

He also said that the government, in line with the evolution that is taking place at the global and domestic levels, will continue to make positive changes for the development of the country's rice and paddy industry. — Bernama

# Artis sebar mesej perpaduan di MAHA 2022

**Menyemarak** semangat perpaduan dalam kalangan rakyat menjadi matlamat program Semarak Uniti Keluarga Malaysia anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Diterajui Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, program berkenaan bertepatan dalam menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Selain itu, program Semarak Uniti Keluarga Malaysia KPN yang berlangsung antara 4 hingga 14 Ogos itu turut menampilkan barisan artis popular seperti Fattah Amin, Amira Othman, Fara Fauzana, Dina Nadzir, Zara Zya, Angeline Tan, Kencana Dewi, Mark Adam, Memey Suhaiza, Norman Hakim, Lan Solo, Syafiq Farhain, Bell Ngasri, Ismail Izzani, Datin Anne Ngasri, Anita Baharom, Rhys William, DJ Sonik dan Khairul Jamaen.




*Halimah (kiri) dan Fara memeriahkan program Semarak Uniti Keluarga Malaysia di MAHA 2022.*

Ketua Komunikasi Korporat KPN, Datuk Tengku Khalidah Tengku Bidin berkata, karyawan seni yang terdiri daripada artis dan selebriti media sosial akan berada di gerai pameran KPN bagi mempromosikan aktiviti serta pengisian pameran.

## Semangat perpaduan

Katanya, pembabitan karyawan seni membuktikan semangat perpaduan dalam kalangan mereka sangat tinggi, selain mempromosikan bakat seni yang mampu dijadikan peranan sebagai ejen perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia.

"Antara perkongsian menarik membabitkan Mark Adam. Dia berasal dari Sabah akan tampil dalam sesi pertemuan untuk berkongsi keunikan masyarakat Sabah kepada pengunjung.

"Selain itu, Fattah yang juga pelakon utama dalam filem epik, *Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan* akan turut bersama di gerai KPN sempena pameran MAHA 2022.

"Fattah akan berkongsi pengalaman ketika melakonkan watak Awang dalam filem yang mencatat sejarah perfileman sepanjang zaman apabila memperoleh kutipan lebih RM90 juta itu.

"Pelakon dan penyanyi popular ini juga berkongsi aspek perpaduan dan semangat cintakan tanah air menerusi filem yang dibintangi. Banyak perkongsian artis dalam program Semarak Uniti Keluarga Malaysia KPN," katanya.

Penampilan barisan artis boleh ditonton secara langsung menerusi laman Facebook KPN, https://www.facebook.com/PerpaduanNegara.

Pameran MAHA 2022

# Guna teknologi urus sawah, ladang

## Kementerian perkenal sistem sokongan pastikan pengeluaran padi, beras diperkukuh

Oleh Rohaniza Idris dan Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menggunakan teknologi dalam pengurusan sawah dan mekanisasi ladang secara meluas termasuk subsektor padi bagi memastikan pengeluaran padi serta beras diperkukuh.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata subsektor padi tidak terkecuali berdepan cabaran bukan saja dari segi kaedah penanaman dan pengurusan tanaman, malah konsep pelaksanaan.

"Bagi mendepani cabaran itu, MAFI memperkenalkan satu sistem sokongan keputusan digital yang menggunakan teknologi, kecerdasan buatan, data raya dan teknologi sensor atau satelit untuk memberikan nasihat masa nyata, ramalan serta preskripsi industri penanaman padi.

### Kerjasama bangun sistem

"Sistem berkenaan dikenali *Aplikasi Rice Information Management System* (RIMS) yang dibangunkan Syarikat Agrocloud Sdn Bhd dengan kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Laman Padi dan Pelancaran Logo Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB), Aplikasi RIMS, Ladang '57 Beras Wangi Horeca serta 3FR SOP Manual pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, meskipun negara berdepan cabaran dalam pembangunan subsektor padi, pengeluaran beras negara terus kekal stabil.

Beliau berkata, sejak Smart SBB diperkenalkan pada tahun lalu melalui pembabitan 24 syarikat peneraju, seramai 5,000 pesawah terbabit dengan keluasan sawah melebihi 11,000 hektar di sembilan negeri.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata sebanyak RM30 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program Kebun Komuniti (Kebuniti) yang dibangunkan di kawasan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) terpilih di seluruh negara.

### Program Kebuniti

Katanya, program Kebuniti itu dibangunkan dengan kerjasama MAFI.

"Melalui program itu, KRT akan membantu menyemarakkan lagi program Kebun Komuniti yang dilaksanakan MAFI.

"Kita ada 8,333 KRT di seluruh negara dan mereka ini boleh mengambil bahagian dalam pengeluaran produk makanan dan hasil pertanian untuk komuniti masing-masing.




*Ronald (dua dari kanan) melancarkan beras wangi Horeca pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Logo Smart SBB, Aplikasi RIMS, Ladang '57 Beras Wangi Horeca dan 3FR SOP Manual di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, semalam.* (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

"Kita akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan MAFI untuk program ini sempena MAHA 2022," katanya ditemui selepas merasmikan Laman Agro-Food Florikultur, di MAEPS, di sini, semalam.

Halimah menjelaskan, melalui Kebuniti itu, KRT yang mempunyai kawasan bagi bercucuk tanam terutama di kawasan bandar akan dibantu.

# Visitors get to experience padi harvesting at Maha 2022

**SERDANG:** Visitors to the 2022 Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha) will get to see rice harvesting simulation being featured for the first time as one of the many attractions which starting today (Aug 8) until Aug 14.

Farmers Organisation Board (LPP) director (Engineering Division) Zaipudin Mohamad said the Combine Harvester Simulator will to allow visitors to experience rice harvesting by operating the machine.

"It's like a flight simulation. It gives visitors virtual experience to operate the harvesting machine in the rice field, just like doing it in the padi field.

"We have instructors who will teach how to operate the machine and the yield will be displayed on the big screen of the simulator, as if we were actually in the fields harvesting rice," he told Bernama recently.

Apart from the rice harvesting machine, Zaipudin said seven classic machines were also being displayed by LPP at the Mini Machinery Museum to give visitors a closer look at agricultural equipment used by farmers between 1905 and 1957.



A visitor joins exhibitors in trying her hands at pounding padi at Maha 2022. — Bernama photo

These include the Chisel Plow and Field Marshall tractor (Model K4462) which were purchased by the Department of Agriculture in 1905 and 1952, respectively, for use in the clearing of virgin forest area for new agricultural areas.

"The chisel plough is operated by using a100hp 4WD tractor or a bulldozer to pull it. Its purpose is to remove stones and wood stumps, as well as break and loosen hard and dry soil before normal plowing tools are used.

"As for the Field Marshall tractor, it is used for plowing. The machine is manufactured by Marshall, Sons & Co. of Gainsborough, Lincolnshire, United Kingdom, from 1945 to 1957," he said.

Zaipudin said a total 40 exhibitors and 15 government agencies are showcasing their products at the Machinery Site at the 2022 Maha, which aims to attract 300,000 visitors.

"In the last edition of Maha 2018, the Machinery Site managed to record RM1.8 million in sale of various agricultural equipment, especially mini harvester," he said.

The Machinery Site is one of the eight agricultural sites at Maha 2022, themed 'Food Security for the Future', at the Malaysian Agriculture Expo Park (MAEPS) here.

Others are the Fisheries Site, Padi Site, Livestock Site, Herb and Vegetable Site, Fruit Site, Pineapple Site, and the Floriculture Site that will colour Maha 2022. — Bernama

# Jom OOTD di Laman Agro-Food Florikultur

**SERDANG:** Kunjungan ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pasti tidak lengkap jika tidak mengabadikan gambar kenang-kenangan.

Jika berkesempatan, anda boleh singgah di Laman Agro-Food Florikultur yang menonjolkan keindahan landskap pelbagai jenis kombinasi bunga-bungaan yang unik bersama tanaman yang boleh dimakan yang menyegarkan.

Lebih menarik, pengunjung berpeluang bergambar OOTD (outfit of the day) di laman berkeluasan 0.6 hektar itu yang turut diserikan dengan lebih 15,000 pokok bunga dan rekaan landskap kombinasi bunga-bungaan yang sangat menarik.

Laman berkonsepkan 'Taman Keajaiban' (Miracle Garden) itu dibahagikan kepada lapan elemen iaitu Laman Pelangi, Laman Vertikal.

Elemen lain ialah Laman Bunga Matahari, Laman Tropika, Laman Petunia, Laman Orkid, Laman Bandar dan Laman Inggeris.

Terdahulu, laman dengan lapan elemen utama itu dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Halimah ketika ditemui berkata, banyak perkara yang boleh dipelajari menerusi MAHA 2022 dan ia tidak hanya tertumpu kepada pameran semata-mata.

"Saya banyak belajar dan ada buah yang tidak pernah jumpa seumur hidup lebih 60 tahun di sini.

"Kita datang bukan hanya melihat apa diusahakan peladang, pekebun kecil dan nelayan sahaja.

"MAHA 2022 dijadikan sebagai pusat pembelajaran dan penganjurannya ini memang ditunggu-tunggu oleh pengunjung," katanya.



**SEORANG** pengunjung membawa bayinya melihat pokok-pokok orkid yang disusun cantik di MAHA 2022.c

# Galak penggunaan teknologi, inovasi dalam industri padi

**SHAH ALAM** - Kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam pengurusan industri padi serta beras negara agar kekal berdaya saing seiring kemajuan Revolusi Industri Keempat atau IR4.0.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, selaras dengan evolusi yang sedang berlaku di peringkat global mahupun domestik, kerajaan akan terus berusaha melakukan perubahan positif untuk pembangunan industri padi dan beras.

"Antaranya melalui penggunaan Aplikasi *Rice Information Management System* (RIMS) iaitu satu sistem sokongan keputusan digital yang menggunakan teknologi *Internet of Things*, kecerdasan buatan, data raya dan teknologi sensor/satelit untuk memberikan nasihat masa nyata, ramalan serta preskripsi bagi industri penanaman padi.

"Selain itu, program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta pihak swasta juga mampu membawa hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara," katanya dalam kenyataan.

Ronald turut hadir pada Majlis Perasmian Laman Padi dan Pelancaran Logo SMART SBB, Aplikasi RIMS, Ladang'57 Beras Wangi Horeca serta 3FR SOP Manual di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2022 pada Ahad.

Dalam pada itu, Ronald berkata, sehingga kini seramai 4,867 pesawah telah terlibat di bawah program SMART SBB merangkumi kawasan penanaman padi seluas 11,278 hektar.

Katanya, sejak diperkenalkan pada Februari 2021, program itu berjaya dilaksanakan di sembilan negeri dengan penglibatan sebanyak 24 syarikat peneraju terdiri daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta.

"Dari segi prestasi pelaksanaan, program ini terbukti dapat meningkatkan purata hasil padi sehektar.

"Contohnya di Sekinchan, Selangor, kawasan padi seluas lebih 100 hektar telah meningkatkan purata hasil hampir empat kali ganda iaitu daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada lapan hingga 10 tan metrik sehektar.

"Kejayaan program SMART SBB dimanifestasikan dalam penghasilan produk baharu oleh syarikat peneraju yang terlibat," katanya.

Ujar beliau, selaras agenda negara memastikan bekalan makanan terjamin dan mencukupi bagi keperluan penduduk, MAFI telah mengambil langkah proaktif dengan terus memperkasa sekuriti bekalan makanan negara untuk berdepan cabaran di peringkat global mahupun domestik.

FOTO: BERNAMA




**Ronald (tiga dari kiri) menyempurnakan Majlis Perasmian Logo SMART SBB, Aplikasi RIMS, Ladang '57 Beras Wangi Horeca dan 3FR SOP Manual sempena MAHA 2022 pada Ahad.**

"Hasil pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang yang dirangka oleh MAFI, bekalan makanan terus kekal stabil.

"Untuk subsektor padi secara khususnya, meskipun negara berdepan pelbagai cabaran, pengeluaran beras negara juga kekal stabil.

"Namun, MAFI akan terus berusaha untuk meningkat hasil pengeluaran padi negara dan meningkatkan pendapatan pesawah," jelasnya.

Katanya, produk baharu berasaskan variati beras istimewa iaitu Ladang'57 Beras Wangi Horeca merupakan hasil ladang peserta program SMART SBB di Seberang Perak, Perak dan Barat Laut, Selangor yang diselia oleh syarikat peneraju, FGV Holdings Bhd.

"Ia menjadi mercu tanda bahawa program SMART SBB berjaya meningkatkan hasil dan pendapatan taraf hidup pesawah terlibat," ujar beliau.

63.3 juta pokok, 63.6 juta bahan makanan telah disah

# Wira Agro terima manfaat SPBT – MAFI

**Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI**

**SERDANG** – Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) dilaksanakan sejak 2012 berjaya mendaftar seramai 228 peserta dengan 63.3 juta pokok induk serta 63.6 juta bahan tanaman telah disahkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, dalam tempoh lebih sedekad pelaksanaannya, seramai 111 pegawai telah dilatih dan dilantik sebagai pegawai pemeriksa yang kompeten.

"Dalam masa sama, sebanyak 25 jenis tanaman mencakupi 104 varieti yang disyorkan sebagai tanaman komersial telah disenaraikan dalam Senarai Varieti Tanaman.

"Justeru syabas diucapkan kepada Jabatan Pertanian yang sentiasa membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada Wira Agro kita untuk menghasilkan bahan tanaman tulen dan berkualiti," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sedekad SPBT di sini semalam.

Selain itu, beliau berkata, pelaksanaan SPBT adalah satu langkah jangka pendek bagi menangani dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan kualiti dan ketulenan bahan tanaman.

"Manakala pengawalan secara regulatori adalah strategi jangka panjang Jabatan Pertanian melalui Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman.

"Pelaksanaan dua strategi ini secara tidak langsung telah menunjukkan pentingnya kualiti dan ketulenan benih tanaman dalam sektor pertanian negara," katanya.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, beliau berharap bilangan Wira Agro yang mendapat manfaat daripada skim tersebut dapat disebar luas melalui khidmat pengembangan yang berkesan.

"Di samping itu, tawaran harga jualan yang menarik dan peluang menembusi pasaran antarabangsa diharap dapat menarik minat lebih ramai lagi Wira Agro untuk memohon skim ini.

"Saya berharap menerusi skim ini, semua penggiat industri agro-makanan di Malaysia dapat membudayakan amalan pertanian baik bagi memastikan rakyat memperolehi sumber tanaman yang dijamin tulen dan berkualiti," katanya.



**RONALD (kanan) melakukan gimik pelancaran Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman pada MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam.** – FARIZ RUSADIO



PARA pengunjung melihat pameran di Pavilion MySE anjuran LKIM sempena MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam.

# MySE sasar nilai jualan RM15 juta

**SERDANG** – Malaysia Fish and Seafood Exposition (MySE) menyasarkan nilai urus niaga sebanyak RM15 juta sepanjang 11 hari penganjuran sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Yusoff Othman berkata, pelaksanaan MySE pada tahun ini adalah secara hibrid menggabungkan konsep 'trade expo' selaras dengan tema MAHA 2022 iaitu Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan.

"Ia adalah gabungan konsep baharu 'trade expo' dan 'consumer fair' melibatkan penyertaan syarikat-syarikat usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pemain industri yang mengusahakan produk berkaitan ikan dan hasil laut," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau berkata, di pavilion MySE, terdapat sebanyak 18 reruai jualan usahawan di bawah bimbingan LKIM dan Persatuan Nelayan.

"Selain itu, kita juga ada dua reruai pameran daripada Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan (BKKM) dan Institut Keusahawan Negara (Insken).

"Di pavilion MySE ini juga kita bawakan pelbagai pameran menarik antaranya belangkas hidup, udang kara (lobster), model perkampungan Melayu, model bot nelayan dan simulasi bot," ujarnya.

Mengulas lanjut, katanya, sambutan MAHA 2022 kali ini adalah amat memberansangkan bukan sahaja daripada pengunjung dewasa, malahan belia dan kanak-kanak juga membanjiri pameran di pavilion MySE.

"Harapan LKIM adalah untuk menonjolkan produk industri makanan terutama perikanan bagi usahawan dan pempamer untuk lebih dikenali dan memperluaskan pasaran mereka," katanya.

MAHA 2022 yang berlangsung mulai 4 hingga 14 Ogos ini menampilkan sebanyak 1,500 reruai diiringi pelbagai tarikan menarik termasuk Laman Ternakan dan Laman Sayur.

# Agro heroes hailed for seeding food security

**SERDANG:** The Agriculture Department's decade-old voluntary Plant Material Verification Scheme (SPBT) has seen 228 registered producers coming on board, resulting in the certification of 63.3 million master/mother trees (pokok induk) and 63.6 million plant materials as having met standards.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, who launched the commemoration of the decade-long SPBT that took on the theme "Seeds, the Foundation of National Food Security", congratulated nursery operators who produced certified quality planting materials ranging from seeds to seedlings.

Calling participants of SPBT as "agro heroes", Kiandee said certified crop material was an important basic input for food production.

The use of certified planting material guarantees the authenticity of the breed and its quality, with the production of pure and quality plant material achievable only through compliance with crop material production procedures and adherence to established standards.

"We still have a long way to go. I hope the number of agro heroes who benefited from this scheme will increase.

"In addition, it is hoped that attractive price offers and opportunities to penetrate the international market will attract the interest of more to apply for this scheme," he said in his speech at the event yesterday held at the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition (Maha 2022) held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS).

Kiandee said that in the past decade, a total of 111 officers had been trained and appointed as competent inspectors.

In terms of coverage, the scheme covers 25 types of plants that include 104 varieties of commercial importance ranging from durian to rambutan and papaya to banana.

SPBT is a free, voluntary programme open to all nursery operators in Malaysia, with details available at the Agriculture Department's website.

Kiandee also hoped that through this scheme, all agrofood industry players could implement good agricultural practices to produce and plant only quality seedlings.

# RM30mil set aside for community gardens

**By FAZLEENA AZIZ**
Fazleena@thestar.com.my

**SERDANG:** An allocation of RM30mil has been set aside to set up community gardens (Kebuniti) nationwide, says National Unity Minister Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Towards this end, she said a memorandum of understanding would be signed with the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi) and relevant Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

Halimah thanked Mafi for the smart partnership with the KRT to promote unity among the people.

"There are 8,330 KRT nationwide, so we want to establish a food programme like having vegetable gardens, with the produce being sold in the neighbourhood.

"We have set aside a RM30mil allocation for this initiative. Perhaps others can also join in the programme.

"The Kebuniti will focus on flats in urban areas and we will also work together with local councils on such projects," she told the press at the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha 2022).

She said they had also identified the KRT that would be involved in the initiative.

Earlier, Halimah launched the Agro-Food Floriculture courtyard Miracle Garden at the exhibition held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS).

The garden showcased a unique landscape of floral combinations.

The 0.6ha courtyard is filled with 15,000 floral trees from different genus and species with aesthetic and exotic morphology and characters.

The vibrant and functional layout of the plants have unique and productive ethnobotany functions symbolising the uniqueness of the Malaysian Family consisting of various religions, races and cultures.

This site also presents faunal elements with splashes of water that provide a balanced ecosystem to improve a more sustainable environmental biodiversity.

There are eight elements of the courtyard including Rainbow Garden, Vertical Garden, Sunflower Garden, Tropical Garden, Petunia Garden, Orchid Garden, Urban Garden and English Garden.

Halimah said a lot could be learned from Maha 2022 besides the exhibitions.

"I learnt a lot at this event, where I saw fruits that I had never seen before," she added.

Also present at the launch were deputy Mafi ministers Datuk Seri Ahmad Hamzah and Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.



**Unique landscape:** Halimah launching the Agro-Food Floriculture courtyard Miracle Garden at MAEPS, Serdang.

# 啤酒節是否該辦？

# 團結部長：非我管轄範圍



宗教部長：尊重穆斯林

不該辦10月啤酒節

（沙登7日讯）国家团结部长拿督哈丽玛拒回应其部门对是否举办10月啤酒节（Oktoberfest）的立场，仅说有关课题属旅游、艺术及文化部的管辖范围。

她在沙登农业博览馆（MAEPS），为农业局配合2022年农业、园艺及农业旅游博览会（MAHA）而设立的农粮花卉种植庭院——奇迹花园（Miracle Garden）主持开幕仪式后，受询时如是表示。

## 属旅游部权限

"那天（国家团结部副部长袁怀绍）在国会已谈过这个课题了，就这样吧！这属旅游、艺术及文化部的管辖范围，我不可随意插手。"




■哈丽玛（左）拒回应团结部对举办10月啤酒节课题上的立场，仅说此课题属旅游、艺术及文化部的管辖范围。

掌管宗教事务的首相署部长拿督依德里斯阿末早前声称，我国不应允许举办售卖酒精饮料，公开向公众开放的10月啤酒节。相关言论，随著引起舆论哗然。

而袁怀绍之后在国会下议院回答行动党峇眼区国会议员林冠英对此课题的附加提问时回应指，依德里斯阿末身为穆斯林和照顾宗教权威者，表达他对日本盆舞节和10月啤酒节的看法并没问题。

此外，哈丽玛表示，国家团结部与农业及食物工业部，就双方在大马一家社区菜园计划（Program Kebun Komuniti）上的合作签署了谅解备忘录（MOU）。

她披露，国家团结部旗下在全国范围内的8330个睦邻计划社区（KRT），将参与此计划，特别是在城市社区，该部将为此计划讨论所需的拨款数额。

由农业局配合MAHA 2022而设立的"奇迹花园"，共占地0.6公顷、拥有8个园区，分别为彩虹花园（Rainbow Garden)、垂直花园（Vertical Garden）、向日葵花园（Sunflower Garden）、热带花园（Tropical Garden）、矮牵牛花园（Petunia Garden）、兰花园（Orchid Garden）、城市花园（Urban Garden）及英式花园（English Garden）。

农业局总监拿督扎希米在致开幕词时强调，"奇迹花园"展出的植物，具活力、独特和多产的民族植物学功能，也像征著由不同宗教、种族和文化组成的大马一家独特性。

出席活动的嘉宾包括国家团结部秘书长拿督挪丽达、农业及食物工业部副秘书长（政策）阿莎哈宁、布城机构主席拿督法德伦、大马团结与融合局总监拿督哈嘉诺丽森等。（TKM）




தேசிய ஒற்றுமை துறை அமைச்சர் டத்தோ ஹலிமா முகமட் சாடிக்

## சமூகத் தோட்டத் திட்டத்திற்கு

# 30 மில்லியன் ரிங்கிட் நிதி

## ஒற்றுமை துறை அமைச்சர் அறிவிப்பு

● எம். அன்பா

செர்டாங், ஆக. 8-

நாடு தழுவிய அளவில் தேர்ந்தெடுக்கப்பட்டும் ருக்குன் தெத்தாங்கா சமூகப் பகுதிகளில் மேம்படுத்தப்படும் சமூக தோட்டத் திட்டத்திற்கு

விவசாயம், உணவு தொழில்துறை அமைச்சுடன் இணைந்து சமூக தோட்டத் திட்டம் மேற்கொள்ளப் படுவதாக நேற்று செர்டாங்கிலுள்ள மேப்ஸ் மாநாட்டு மையத்தில் மஹா எனப்படும் மலேசிய விவசாயம் தோட்டக் கலை, விவசாய

சுற்றுலாக் கண்காட்சியில் கலந்து கொண்ட அவர் செய்தியாளர்களிடம் குறிப்பிட்டார்.

இந்த திட்டத்தின் வழி விவசாயம்- உணவு தொழில் துறை அமைச்சு ஏற்கெனவே மேற்கொண்டுவரும் சமூக தோட்டத் திட்டத்தை மேலும் விரிவுப்படுத்த ருக்குன் தெத்தாங்கா அமைப்பு ஆதரவு வழங்கும் என அவர் கூறினார்.

நாடு தழுவிய அளவில் நமக்கு 8,535 ருக்குன தெத்தாங்கா சமூக அமைப்புகள் உள்ளன. அவர்களும் சமூகத்திற்குத் தேவையான விவசாய- உணவுப் பொருட்களை விநியோகத்தில் பங்கெடுத்துக் கொள்ளலாம்.

இந்த மஹா கண்காட்சியை முன்னிட்டு விவசாயம் - உணவு துறை அமைச்சுடன் நாம் அந்த ஒப்பந்தத்தில் கையெழுத் திட்டுள்ளோம் என ஹலிமா சாடிக் கூறினார்.

முன்னதாக ஆகஸ்டு 4ஆம் தேதி தொடங்கி இந்த கண்காட்சி தினமும் காலை 10 மணி தொடங்கி இரவு 10 மணி வரை நடத்தப்படுகின்றது.

இம்மாதம் 14ஆம் தேதி வரையில் இந்த கண்காட்சி நடத்தப்படுவதால் அதற்கு வருகை தந்து பயன்பெறும்படி அழைப்பு விடுக்கப்பட்டுள்ளது.

இந்த கண்காட்சியில் நாட்டின் பல இன கலாச்சார கண்காட்சிகள், பாரம்பரிய விளையாட்டுகள்- உணவுகள்- உடைகள் - இசைக் கருவிகள் ஆகியவற்றை உள்ளடக்கி சிறப்பு அம்சங்களும் இடம் பெற்றுள்ளன.

இது தவிர உள்நாட்டுக் கலைஞர்களின் கலைப் படைப்புகளும் இந்த கண்காட்சியில் படைக்கப்படுகின்றன.

MAHA 2022

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA





30 மில்லியன் ரிங்கிட் நிதி ஒதுக்கப்படுவதாக தேசிய ஒற்றுமை துறை அமைச்சர் டத்தோ ஹலிமா முகமட் சாடிக் அறிவித்தார்.



# 我國最大農業展MAHA

## 即起線上 線下同步舉行

阔别4年后，我国规模最大的农业展览会——2022年马来西亚农业、园艺及农业旅游展（MAHA）即日起至8月14日，在沙登农业博览馆（MAEPS）盛大举行！

此由农业和食品工业部（MAFI）主办的盛会，原定于2020年举行，碍于疫情而展延了。如今再次回归，将以实体与线上虚拟两种方式同步进行。

不论你是农业领域相关业者，或想了解我国最新的农业科技与技术；又或纯粹想到访农民市集与食品展销会，选购或品尝我国各州的农产品、当季蔬果与美食等，这里都能为你带来满满的惊喜！




农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪（右二）在参观的陪同下，巡视展会。

食品安全对一个国家非常重要。为迎合当前国家及全球面临的严峻挑战，今年展会的主题为"未来的粮食安全"。

作为我国历史悠久的农业展销会，上届MAHA于2018年时举行，共吸引了330万参观者，取得2亿1500万令吉的销售收入。至于2022年度MAHA，现场将备有1500个摊位，当中包括100个让实体经营出售新鲜农产品的农民市集。

主办单位预计在严守标准作业程序下，每天可吸引10万人参观展览，在11天的展销吸引约110万名访客，创造逾2亿5000万令吉的销售额。

农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，该展预计将再度吸引40亿令吉的投资额，当中包括农业及食品工业部与海内外业者在展会期间签署的9份谅解备忘录。

### 展示创新技术

此每两年举办一次的展览旨在向大家展示我国在农业食品领域的创新技术之余，也为国内中小型和大型农业领域业者提供销售平台，进行商业配对活动，鼓励年轻人进入农业领域，并让农民、牧民和渔民了解农业如何为他们创造高收入。

该展销将为贸易、投资、合作和技术转让提供平台，让参与者能相互交流，提高市场竞争力。主办单位希望通过吸引更多私营公司、政府机构、地方企业机构、金融机构、农民企业家等的参与，将MAHA提升为首屈一指的农业贸易展览会。

该部也希望通过先进技术的使用，让我国可以更有效地生产更多农产品，从而让我国能在2030年能全面采用现代农业的同时，也引领国家的粮食主权。




2022年MAHA将展示我国农业食品领域的创新技术。左二起为农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末哈鲁、部长拿督斯里罗纳建迪，以及秘书长拿督哈斯丽娜。

### 设8大农业展区

为期11天的活动，备有许多精彩环节，除了展览和销售活动，也备有研讨会、商业配对等，活动链接整个农产品价值链相关的生态系统。

该展会将设有8大农业展区，分别是渔业、稻米、畜牧、草药和蔬菜、水果、菌类、机械和花卉趣味。8大展区再分设各有特色的22个区块，丰富多元的展销活动覆盖展销厅内与展销厅外。

值得一提的是，在MAHA也将设有13个州展馆，展示我国各州的特点，包括文化艺术、旅游景点、当地特产与美食等。

其中深受访客欢迎的"景点"该是销售各类水果、农产品和食品的销售展区。你可在该"水果城堡"，购买当季的各种水果，包括榴莲、菠萝蜜、山竹与红毛丹等。

贴心的主办单位也提供停车场送货服务选项。如果你无法亲临现场，也可以通过"在线农贸市场"网购，并使用指定的快递服务直接送货上门。

主办单位将在加影捷运站、新街场轻快铁站、沙登电动火车站、布城中环终站提供免费巴士穿梭服务，载送大家前往展会。展厅外还备有一系列的餐车售卖各种食品，让大家逛展之余，也能一饱口福。



农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪（中）通过地图了解展会的整体展区范围。

### 加入线上虚拟展

2022年度MAHA做到现代化，技术的应用将一如往常一样，除了实体展出，今年特别之处在于增加了在线元素，即虚拟展览。

这期间举办的线上活动包括了研讨会、商务比赛、网络研讨会、视频会议，以及产品推广等，就像参观实体展览一样丰富。该虚拟展览是一个专为农业和食品行业而设计的在线平台，与实体展一样，在线MAHA平台也能够进行国内外的商业交易活动。

MAHA希望通过工业革命4.0和数字技术，让我国能转向基于有效网的农业方向迈进。



08 AUG, 2022

# MAFI drafting a bill to ensure the safety of plant seeds

Nanyang Siang Pau, Malaysia



MAHA 2022 大马农业、园艺及农业旅游展

## 农业部正草拟法案
# 确保植物种子安全

（沙登7日讯）农业及食品工业部正在草拟一份有关植物种子生产的法案，以便能更有效管制在农业领域的植物种子，确保植物的种子有素质和安全。

农业部长拿督斯里罗纳建迪博士说，当局有10年的经验以教育和培训农夫生产和使用有素质、适合和基因安全的种子，如今是时候立法管制植物种子，以确保国家的食品安全。

他今日在2022年马来西亚农业、园艺及农业旅游展（MAHA）为植物品种认证计划10年纪念主持推介礼后这么说。展览会将举行至本月14日。

"有关计划是要确保植物的种子有素质，没有被病毒侵袭等，符合生物安全，例如基因安全的标准。

罗纳建迪提到，如今农夫对使用这些由农业部认证的种子相关意识越来越高，特别是一些栽种种子幼苗的农夫。

## 减中间人影响力

罗纳建迪说，农业部持续努力减少在农业食品领域的中间人所带来的影响力。

"我们知道这领域中有好的中间人，也有对生产商造成影响的中间人，因此我们会持续采取措施，包括加强大马联邦农业销售局（FAMA）的角色。"

他是受询及有关首相拿督斯里依斯迈沙比里日前提及减少中间人的事项时这么说。

罗纳建迪指农业部各个机构正在协助年轻的农业从业者扮演更多的角色，以努力减少中间人对农夫、渔夫、养殖业者的影响力。

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NATIONAL PAGE: A2 PRINTED SIZE: 179.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,252.00 ITEM ID: MY0049179755



08 AUG, 2022

# MAFI drafting a bill to ensure the safety of plant seeds

Nanyang Siang Pau, Malaysia



## SUMMARIES

人，也有对生产商造成影响的中间 人，因此我们会持续采取措施，包括加强大马联邦农业销售局（ F A M A
)的角色。"他是受询及有关首相拿督斯里依斯迈沙比里日前提及减少中间人的事项时这么说。罗纳建迪指农业部各个机构正在协助年轻的农业从业者扮演更多的角色，以努力减少中间人对农夫、渔夫、养殖业者的影响力。

MAHA^2022 大马农业、园艺及农业旅游展 »•••»•___• _1_1 |

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.




哈丽玛为“奇迹花园”主持开幕，右为扎希米。（谭湘贤摄）

# 指是旅遊部所管事務
# 團結部長拒回應啤酒節

（沙登7日讯）国家团结部长拿督哈丽玛拒绝回应该部门在是否该举办10月啤酒节（Oktoberfest）课题上的立场，仅表示有关课题是旅游、艺术及文化部的管辖范围。

她说：“那天（国家团结部副部长袁林绍）在国会已经谈过这个课题了，就这样吧！”

“这是属于旅游、艺术及文化部的管辖范围，我不能随意插手。”

她今天上午在沙登农业博览馆（MAEPS），为农业局配合2022年农业、园艺及农业旅游博览会（MAHA）而设立的农根花卉种植庭院——奇迹花园（Miracle Garden）主持开幕仪式后，这么表示。

掌管宗教事务的首相署部长拿督依德里斯阿末此前表示，政府不应允许举办售卖酒精饮料、公开向公众开放的10月啤酒节，引起舆论哗然。

随后，袁林绍在国会下议院回答行动党峇眼区国会议员林冠英对此课题的附加提问时，称依德里斯阿末身为穆斯林和照顾宗教权威的人，表达其对日本盆舞节和10月啤酒节的看法并没有错。

## 与农部签署社区菜园计划备忘录

另一方面，哈丽玛也披露，国家团结部今天下午与农业及食物工业部，就双方在大马一家社区菜园计划（Program Kebun Komuniti）上的合作签署谅解备忘录（MOU）。

她说：“国家团结部旗下在全国范围内的8330个睦邻计划社区（KRT）将会参与这项计划，特别是在城市的社区，而我们将会讨论团结部为此计划所需要的拨款数额。”

由农业局配合MAHA 2022而设立的“奇迹花园”，共占地0.6公顷，拥有8个园区，分别为彩虹花园（Rainbow Garden）、垂直花园（Vertical Garden）、向日葵花园（Sunflower Garden）、热带花园（Tropical Garden）、矮牵牛花园（Petunia Garden）、兰花园（Orchid Garden）、城市花园（Urban Garden）以及英式花园（English Garden）。

而农业局总监拿督扎希米在致开幕词时表示，“奇迹花园”展出的植物，具有活力、独特和多产的民族植物学功能，也像征着由不同宗教、种族和文化组成的大马一家的独特性。同样出席当天开幕礼的嘉宾，尚有国家团结部秘书长拿督娜丽达、农业及食物工业部副秘书长（政策）阿沙哈宁、布城机构主席拿督法德伦、大马团结与融合局总监拿督哈嘉诺丽森等人。



**ORANG ramai berpeluang membeli pelbagai jenis buah-buahan di Castle of Fruits di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung sekarang.**

# FAMA buka 99 gerai

**Oleh ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa kira-kira 82 usahawan dan 99 gerai di bawah Castle of Fruits melalui Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, *Castle of Fruits* yang berlangsung di Laman Tiba 1, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) bukan sahaja menjual buah-buahan tetapi turut memberi input-input lain kepada pengunjung.

Kata beliau, FAMA menyasarkan jualan sebanyak RM4 juta sepanjang MAHA 2022 berlangsung iaitu 11 hari penganjuran.

"Dari segi prestasi, peningkatan antara hari pertama MAHA 2018 dengan hari pertama MAHA adalah sebanyak 34 peratus dari segi jualan.

"Malah, perbezaan nilai jualan pada hari pertama dan kedua untuk MAHA tahun ini, kita lihat peningkatan sebanyak 73 peratus jualan.

"FAMA sasarkan sehari 10,000 pengunjung tetapi pada hari pertama agak kurang kerana hanya mencapai 6,500 pengunjung, walaubagaimanapun hari kedua mencapai 11,000 dan untuk hari ketiga kira-kira lebih 20,000," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, statistik dan dapatan tersebut menunjukkan dakwaan dalam satu video yang tular bahawa MAHA kali ini tidak ramai pengunjung dan peniaga rugi adalah tidak benar.

"Saya difahamkan bahawa peniaga itu membuat video adalah atas tujuan pemasaran dan ia dirakam pada pukul 11 malam, sedangkan MAHA hanya buka dari 10 pagi hingga 10 malam sahaja," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga buah-buahan, Mohd Faizal Omar, 35, berkata, dia teruja apabila melihat pengunjung tidak putus hadir ke *Castle of Fruits*.

"Operasi perniagaan saya di MAHA untuk hari ketiga ini alhamdulilah berjalan dengan sangat baik sebab pengunjung lebih ramai datang.

"Saya berpendapat program MAHA ini amat baik untuk peniaga seperti saya kerana kita dapat mempromosikan buah-buahan tempatan di samping membuat jualan. Ini juga pertama kali saya menyertai program ini dan jualan amat memberasangkan," ujarnya.

isentia
AUTHOR: Arif Aiman Asrol SECTION: DLM NEGERI PAGE: 6 PRINTED SIZE: 365.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 14,925.00 ITEM ID: MY0049180113



08 AUG, 2022

FAMA buka 99 gerai

Utusan Malaysia, Malaysia





ORANG ramai berpeluang membeli pelbagai jenis buah-buahan di Castle of Fruits di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung sekarang.

# FAMA buka 99 gerai

**Oleh ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa kira-kira 82 usahawan dan 99 gerai di bawah Castle of Fruits melalui Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, *Castle of Fruits* yang berlangsung di Laman Tiba 1, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) bukan sahaja menjual buah-buahan tetapi turut memberi input-input lain kepada pengunjung.

Kata beliau, FAMA menyasarkan jualan sebanyak RM4 juta sepanjang MAHA 2022 berlangsung iaitu 11 hari penganjuran.

"Dari segi prestasi, peningkatan antara hari pertama MAHA 2018 dengan hari pertama MAHA adalah sebanyak 34 peratus dari segi jualan.

"Malah, perbezaan nilai jualan pada hari pertama dan kedua untuk MAHA tahun ini, kita lihat peningkatan sebanyak 73 peratus jualan.

"FAMA sasarkan sehari 10,000 pengunjung tetapi pada hari pertama agak kurang kerana hanya mencapai 6,500 pengunjung, walaubagaimanapun hari kedua mencapai 11,000 dan untuk hari ketiga kira-kira lebih 20,000," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, statistik dan dapatan tersebut menunjukkan dakwaan dalam satu video yang tular bahawa MAHA kali ini tidak ramai pengunjung dan peniaga rugi adalah tidak benar.

"Saya difahamkan bahawa peniaga itu membuat video adalah atas tujuan pemasaran dan ia dirakam pada pukul 11 malam, sedangkan MAHA hanya buka dari 10 pagi hingga 10 malam sahaja," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga buah-buahan, Mohd Faizal Omar, 35, berkata, dia teruja apabila melihat pengunjung tidak putus hadir ke *Castle of Fruits*.

"Operasi perniagaan saya di MAHA untuk hari ketiga ini alhamdulilah berjalan dengan sangat baik sebab pengunjung lebih ramai datang.

"Saya berpendapat program MAHA ini amat baik untuk peniaga seperti saya kerana kita dapat mempromosikan buah-buahan tempatan di samping membuat jualan. Ini juga pertama kali saya menyertai program ini dan jualan amat memberangsangkan," ujarnya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

isentia
AUTHOR: Arif Aiman Asrol SECTION: DLM NEGERI PAGE: 6 PRINTED SIZE: 365.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 14,925.00 ITEM ID: MY0049180113



08 AUG, 2022

# FAMA buka 99 gerai

Utusan Malaysia, Malaysia



## SUMMARIES

ORANG ramai berpeluang membeli pelbagai jenis buah-buahan di Castle of Fruits di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung sekarang.

SERDANG: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) t+membawa kira-kira 82 usahawan dan 99 gerai di bawah Castle of Fruits melalui Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

# Teknologi MARDI pacu industri pertanian

**SERDANG:** Teknologi-teknologi yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bukan sahaja sejajar dengan peredaran zaman tetapi turut membantu golongan petani.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, teknologi-teknologi tersebut mampu membantu golongan petani untuk memudahkan tugas mereka dan juga membolehkan orang ramai untuk menceburi bidang pertanian.

Menurut beliau, menerusi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, MARDI membawa tiga pameran berbeza iaitu laman sayur, laman herba dan laman kelulut dengan mengenengahkan konsep 'foodscaping' serta sepenuhnya menggunakan teknologi institut tersebut.

"Kita tanam pokok dalam bentuk foodscaping iaitu tumbuhan-tumbuhan yang berasaskan makanan seperti sayur-sayuran dan ulam-ulaman. Melalui konsep tersebut juga kita menggunakan teknologi-teknologi MARDI.

"Makna di sini sambil kita membuat pameran untuk orang ramai, kita juga mempromosikan teknologi-teknologi kami. Sebagai contoh, ciptaan Greenkit iaitu sebuah alat yang boleh membolehkan individu tidak mempunyai ruang untuk bercucuk tanam pun boleh melakukan aktiviti tersebut," katanya kepada Utusan Malaysia.

Greenkit berbentuk pasu itu bukan sahaja membolehkan individu yang tinggal di pangsapuri dan kondominium untuk bercucuk tanam malah turut menjimatkan masa apabila teknologi tersebut mempunyai ruang untuk menyimpan air yang bertahan selama seminggu.

Mohamad Zabawi berkata, dua teknologi lain juga dipamerkan untuk mengubah persepsi pengunjung dan memberi pengetahuan untuk menanam sayur secara mudah dengan menggunakan alat-alat tersebut.

"Antaranya adalah Canopytechture iaitu sebuah sebuah sistem struktur sebagai penyokong untuk penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan jenis menjalar atau memanjat. Teknologi ini mempunyai ruang di bawah untuk air, jadi kita boleh tanam sahaja pokok tanpa perlu siram setiap hari.

"Kami juga pamerkan alat untuk pertanian hidroponik dalam bentuk menegak yang mempunyai lampu pelbagai warna bagi memenuhi keperluan tanaman tersebut. Alat ini juga diformulasi sendiri dan melalui kajian MARDI sendiri," jelasnya.

# Mardi showcases tech for commercial vegetable production

KUALA LUMPUR: The Vegetable and Herb Agro-Food Site at the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha) 2022 emphasises the concept of commercial vegetable production and urban agriculture based on the application of a technology developed by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi).

Director at the Mardi Horticulture Research Centre, Dr Zulhazmi Sayuti, said it included the plant factory technology for the production of all-year round high-value vegetables, which was developed through Mardi's 'Research and Development' (R&D).

"This technology is a system of vegetable production in a closed and controlled structure, without the plant being affected by changes in the weather that can affect yield, quality, as well as pest and disease attacks, which is capable of increasing yields four to to times per unit of space compared to conventional cultivation methods," he told Bernama.

At this Maha 2022 at the Malaysian Agriculture Exposition Park Serdang (MAEPS), being held from Thusday until Aug 14 , Mardi is also showcasing the elevated self-watering planting system, especially for premium price leafy vegetables.

He said the system could increase production four to six times per unit of space, compared to conventional farming, and is cost-saving in terms of fertilisers and agricultural inputs of up to 25 per cent compared to the hydroponic method.

He said visitors also had the opportunity to see the Self-watering Container (SWC) technology, which is a pot planting system that consists of three parts, namely water storage, capillaries and plants to meet the needs of urban agriculture, as well as reduce the frequency of watering and control the plant size.

According to Zulhazmi, Mardi has produced a package for lowland round cabbage production technology in 2018 and lowland cauliflower production technology in 2020 in an effort to reduce the country's dependence on import of round cabbage. – Bernama

Serdang

# Jentera bajak tahun 1952

*Pengunjung Maha 2022 boleh rasai sendiri pengalaman operasikan mesin jentuai*

Buat kali pertama, simulasi menuai padi akan ditonjolkan sebagai tarikan baharu di Laman Jentera pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (Maha) 2022 yang berlangsung hingga 14 Ogos ini.

Pengarah Bahagian Kejuruteraan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Zaipudin Mohamad berkata, simulasi menggunakan *Simulator Combine Harvester* itu disediakan bagi membolehkan pengunjung merasai sendiri pengalaman menuai padi di sawah dengan mengoperasikan mesin jentuai.

"Seakan simulasi penerbangan, simulasi ini memberikan pengalaman secara maya kepada pengunjung untuk mengoperasikan mesin jentuai di sawah berbanding pendekatan pergi sendiri ke tempat sebenar (sawah) tetapi tiada kemahiran untuk membawa mesin terbabit.

"Di sini kita ada pengajar yang akan mengajar cara-cara mengoperasikan mesin malah hasil tuaian yang kita peroleh juga akan dipaparkan pada skrin besar simulator, seolah-olah kita memang sedang berada di sawah untuk menuai padi," katanya.

Selain tarikan itu, Zaipudin berkata, pihaknya turut akan mempamer tujuh jentera klasik di Muzium Mini Jentera bagi membolehkan pengunjung mengenali secara lebih dekat peralatan pertanian yang digunakan petani pada era 1905 hingga 1957.

Antara peralatan itu ialah Bajak Pahat dan traktor Field Marshall (model K4462) yang masing-masing dibeli oleh Jabatan Pertanian pada 1905 dan 1952 untuk melaksanakan kerja-kerja pembukaan kawasan baharu daripada kawasan hutan dara menjadi projek pertanian.

"Peralatan Bajak Pahat dioperasikan dengan cara ditarik oleh traktor berkuasa 100hp 4WD ke atas atau bulldozer, berfungsi mengeluarkan batu dan tunggul




ORANG ramai melihat replika projek ladang padi IR 4.0 ketika mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (Maha) 2022 di Maeps.

kayu serta memecah dan melonggarkan tanah yang keras dan kering sebelum penggunaan alat pembajakan biasa.

"Traktor Field Marshall pula diguna untuk membajak dan dikeluarkan oleh syarikat Marshall, Sons & Co. of Gainsborough, Lincolnshire United Kingdom dari 1945 hingga 1957," katanya.

Zaipudin berkata, secara keseluruhan, terdapat 40 pempamer dan 15 agensi kerajaan akan memperkenalkan produk masing-masing di Laman Jentera dengan sasaran menarik lebih 300,000 pengunjung.

"Pada edisi Maha 2018 lalu, laman ini berjaya merekodkan RM1.8 juta nilai jualan menerusi penjualan pelbagai peralatan pertanian khususnya jentuai mini. Oleh itu, sudah tentu kami mengharapkan perkara yang sama tahun ini atau lebih baik," katanya.

Laman Jentera adalah satu daripada lapan laman pertanian selain Laman Perikanan, Laman Padi, Laman Ternakan, Laman Herba dan Sayur, Laman Buah-Buahan, Laman Nanas dan Laman Florikultur yang mewarnai Maha 2022 bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) di sini.

# Get a feel of the agri life





**Hands-on experience:** (Left and top) Visitors learning to thresh padi and other steps in producing rice at Laman Padi MAEPS in Serdang. — SAMUEL ONG/The Star

## Expo offers visitors a chance to harvest padi virtually

**SERDANG:** Visitors to the 2022 Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha 2022) will get to experience rice harvesting through the use of virtual simulation.

Farmers' Organisation Board (LPP) director (engineering division) Zaipudin Mohamad said the Combine Harvester Simulator, which allows users to gain virtual experience on operating a padi harvesting machine, was one of the many attractions at the event.

"It's like doing a flight simulation. We have instructors to guide the public on how to operate the machine and the yield will be displayed on the big screen, as if we are in the rice fields harvesting the crop," he told Bernama recently.

Maha 2022 is held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) here until Aug 14.

Zaipudin said seven classic machines were also being displayed at the Mini Machinery Museum for visitors to get a closer look at the agricultural equipment used by farmers from 1905 to 1957.

The items include the chisel plough and the Field Marshall tractor (model K4462), which were purchased by the Agriculture Department in 1905 and 1952, respectively, for clearing of virgin forest area and opening of new agricultural sites.

"The chisel plough is operated by using a tractor or a bulldozer to pull it. Its purpose is to remove stones and wood stumps, as well as to break and loosen hard and dry soil before normal ploughing tools are used.

"As for the Field Marshall tractor, it is used for ploughing.

"The machine was manufactured by a UK company, Marshall, Sons & Co of Gainsborough, from 1945 to 1957," he added.

Zaipudin said a total of 40 exhibitors and 15 government agencies were showcasing their products at the Machinery Site of the expo, which is expected to attract 300,000 visitors.

"In 2018, the Machinery Site recorded a whopping RM1.8mil worth of sales of various agricultural equipment, especially the mini harvester," he said.

The Machinery Site is one of the eight sections at Maha – the theme for this year is "Food Security for the Future". Others are the Fisheries Site, Padi Site, Livestock Site, Herb and Vegetable Site, Fruit Site, Pineapple Site and Floriculture Site.

# Don't hoard, ration cooking oil, Annuar tells traders, retailers

**SERDANG:** Those directly involved in the ecosystem for production and sale of palm-based cooking oil should avoid hoarding or rationing the commodity following the setting of its maximum price at RM34.70 per five-kilogramme bottle effective today (Aug 8), said Tan Sri Annuar Musa.

The chairman of the Task Force on Jihad against Inflation said if traders and retailers resorted to such practices, they would ultimately lose out, apart from creating problems for consumers.

"Just because the price of oil will drop, for example, people should not start hoarding. It won't solve the problem," he told reporters after visiting the Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition (Maha) 2022 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang here yesterday.

He said this when asked on the possibility of irresponsible parties hoarding cooking oil when its price is low, a practice which could lead to a shortage of supply in the local market.

Annuar also advised those concerned to steer clear of any activities which are against the law and to abide by the government's decision in placing certain goods or commodities under the maximum price list.

Meanwhile, Annuar said it was apparent that cooperation among agencies had produced a positive impact as some supermarkets had begun reducing the price of unsubsidised bottled cooking oil although the ceiling price would only come into effect tomorrow.

"So far I am very satisfied because after the announcement on maximum price for cooking oil, many have reduced the price to below RM34.70 even before Aug 8.

"Yesterday (Aug 6) in Melaka I saw chicken being sold at RM7.99 per kilogramme although the ceiling price is RM9.40.

"That means we can do it (reduce prices) but we need the cooperation of all parties," he added.

The government has set the ceiling price of unsubsidised pure palm-based cooking oil at RM34.70 per five-kilogramme bottle effective Aug 8.

The price of cooking oil will be set each month and announced by the Malaysian Palm Oil Board (MPOB).

On Maha 2022, Annuar said its focus was on aspects of technology and digital applications in agriculture, which play an important role in ensuring food security in the long term.

The government would continue to encourage farmers to apply elements of technology in agriculture as digitalisation had been gaining priority in all aspects, he added. — Bernama

# 'PN will continue to support PM for stability'

**SERDANG:** Perikatan Nasional (PN) is committed to continue supporting the leadership of Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob for the sake of political stability in the country, said Bersatu vice-president Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

"The mandate period of the 14th general election (GE14) will end in May next year, so we have given our commitment to continue supporting the Prime Minister (Ismail Sabri) and this government. This is to ensure continued political stability in the country until the GE is called," said Ronald, who is also a member of the PN supreme council.

He said this when met by reporters after launching Laman Padi and the SMART SBB logo and Rice Information Management System (RIMS), Ladang'57, which is Horeca Fragrant Rice and 3FR SOP Manual, in conjunction with the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (MAHA ) 2022 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) here yesterday.

PN comprises Bersatu, PAS, Gerakan, Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) and Sabah Progressive Party (SAPP).

In KUALA TERENGGANU, PAS vice-president Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar said talk that PN was mulling to withdraw support for the government was merely the view of certain quarters.

# PN terus sokong Ismail Sabri

**SERDANG** - Perikatan Nasional (PN) memberikan komitmen menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob demi kestabilan politik negara, menurut Naib Presiden Bersatu, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.



RONALD

"Tempoh mandat Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) tamat pada Mei tahun depan. Jadi sehingga kini, kita memberikan komitmen untuk terus menyokong Perdana Menteri (Ismail Sabri) dan kerajaan bagi memastikan kestabilan politik negara berkekalan sehingga PRU yang akan dipanggil (diumumkan)," kata beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi PN.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Laman Padi serta Pelancaran Logo SMART SBB dan Sistem Pengurusan Maklumat Beras (RIMS), Ladang'57 iaitu Beras Wangi Horeca dan 3FR SOP Manual, sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini pada Ahad.

Parti komponen PN dianggotai oleh Bersatu, Parti Islam Malaysia (Pas), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Sementara itu di **KUALA TERENGGANU,** Naib Presiden Pas, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar menyifatkan dakwaan yang menyatakan bahawa PN berhasrat menarik balik sokongan kepada kerajaan sebagai pandangan pihak tertentu sahaja.

Menteri Besar Terengganu itu berkata, sebaliknya terdapat banyak lagi perkara yang ingin dilaksanakan kerajaan negeri bersama Kerajaan Persekutuan. - *Bernama*

# Perpaduan: Kita masih belum menang

**NIZAM YATIM**



SEMPENA Bulan Kebangsaan 2022 yang akan disambut pada dua tarikh, iaitu 31 Ogos untuk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada 16 September maka kita perlulah sama-sama menghimbau tema *Keluarga Malaysia Teguh Bersama* yang selaras dengan konsep Keluarga Malaysia yang hidup aman damai dan bersatu padu dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Apabila menyebut tentang perkara itu kita sudah tentu tidak boleh melupakan tentang amanat Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn yang dikenali sebagai Bapa Perpaduan. Beliau menyatakan: "Perpaduan negara tidak akan datang dengan sendirinya, melainkan kita terpaksa berusaha sedaya upaya untuk mencapainya."

Selaras dengan prinsip itu, ketika menjawat jawatan Perdana Menteri dari 1976 hingga 1981, beliau telah berusaha memperkasakan Rukun Tetangga yang pada awalnya adalah untuk memastikan keselamatan penduduk dan kemudiannya menjalani evolusi kepada konsep kejiranan untuk meningkatkan semangat kejiranan dan perpaduan setempat.

Hussein juga telah berusaha untuk merealisasikan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk merapatkan jurang ekonomi yang menjadi punca perbalahan kaum pada 13 Mei 1969 termasuk memperkemaskan lagi pelbagai agensi bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan menaik taraf hidup rakyat.

Allahyarham juga terlibat dalam memperkukuhkan Rukun Negara yang diperkenalkan berikutan rusuhan yang berpunca daripada kempen pilihan raya pada 1969 yang menimbulkan isu perkauman sensitif.

Jangan hanya kerana sedikit isu perselisihan pandangan kaum, kita akan mudah marah kepada kaum lain. Sikap dan anasir perkauman bagi menaikkan kemarahan rakyat perlu dielakkan. Kita perlu menolak segala tindakan yang bertujuan untuk kepentingan politik yang mengumpan perkauman bagi tujuan menaikkan kemarahan rakyat.

Dalam pada itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan pelbagai aktiviti bagi membatasi anasir perkauman melalui acara sukan, makanan dan kesenian. Bidang -bidang ini telah terbukti berjaya menyatukan rakyat Malaysia tanpa sebarang rasa prejudis.

Ketika Sukan SEA, Sukan Komanwel atau Piala Malaysia sekalipun, seluruh peminat bola sepak bersatu hati menyokong pasukan kesayangan mereka, tanpa mengira kaum atau agama. Demikianlah hebatnya bidang sukan sebagai ejen penyatuan.

Semua itu telah dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh Bapa Perpaduan dan kerajaan. Bagaimana pula kita sebagai rakyat Malaysia? Paling mudah adalah mengamalkan segala apa yang terdapat dalam mukadimah Rukun Negara.



**PAVILION** Semarak Uniti di Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 antara lebih 31,000 program di bawah Semarak Perpaduan Keluarga Malaysia Teguh Bersama dikendalikan Kementerian Perpaduan Negara diketuai menterinya, Datuk Halimah Mohamed Sadique (kanan) bagi mempromosi perpaduan dan patriotisme di negara ini.

## KASIH SAYANG TANPA SYARAT

Antara kandungan mukadimah itu menyebut secara jelas bahawa negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik dan mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.

Selain itu, kita juga hendaklah melakukan kebaikan walaupun seseorang itu berlainan kaum dan agama daripada kita. Ini seperti yang dibuat oleh bekas guru kaum Cina, Chee Hoi Lan, 84, yang menjaga anak angkatnya, Rohana Abdullah, 22, yang kini telah berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Sains Komputer di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Baru-baru ini, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Wan Salim Wan Mohd. Noor turut mengulas, dengan menyatakan hubungan begitu mesra antara ibu dengan anak angkat berbeza agama yang menetap di tengah-tengah bandar di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur telah memaparkan suatu situasi unik dan amat bermakna untuk dijadikan bahan renungan semua pihak sebagai menghayati semangat Keluarga Malaysia.

Wan Salim yang tersentuh dengan kisah itu berkata, ia membuktikan bahawa perbezaan keturunan dan agama tidak menghalang hubungan yang baik dan mesra antara sesama manusia. Cukup mengagumkan, ibu angkat yang mesra dipanggil Laoshi membesarkan Rohana tanpa menukarkan agamanya, malah wanita itu telah mendidik anak angkatnya secara Islam seperti memastikan dia sentiasa menunaikan solat serta berpuasa pada Ramadan.

Saya juga tertarik dengan kajian yang dilakukan oleh Institut HeartMath di Amerika Syarikat mengenai sifat-sifat sejagat yang perlu diamalkan sesama manusia bagi menyuburkan hubungan yang baik dan mesra kerana ia dapat diterima secara terbuka walaupun seseorang itu berlainan kaum dan agama daripada kita.

Sifat-sifat yang boleh menyuburkan prinsip-prinsip keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran ialah *unconditional love* (kasih sayang tanpa syarat), *compassion* (belas kasihan), *care* (mengambil berat), *appreciate* (perbuatan menunjukkan penghargaan terhadap seseorang), *gratitude* (perasaan bersyukur) dan *forgiveness* (memaafkan).

> **"Apabila perpaduan terhasil, bermakna pelabur akan mula mempercayai pasaran ekonomi negara telah menjadi stabil."**

Kita masih belum menang bagi mewujudkan masyarakat yang kuat dan bersepadu secara kolektif. Kesepaduan dalam negara hanya akan berada pada tahap kemuncak apabila tiada lagi isu perkauman, rakyat semakin bijak menilai antara isu perkauman dan bukan serta tiada lagi individu cuba bertindak songsang yang menyalahi Perlembagaan Persekutuan.

Sebenarnya, perpaduan adalah asas kepada kemakmuran negara. Apabila perpaduan terhasil, bermakna pelabur akan mula mempercayai pasaran ekonomi negara telah menjadi stabil dan mula membuat pelaburan ke negara ini.

Sekarang, selepas dunia mengalami pandemik Covid-19 adalah masa terbaik rakyat bangkit bersama-sama untuk menyokong kerajaan Keluarga Malaysia bagi mengekalkan dan memperkukuhkan perpaduan yang sedia ada.

Kita mahu melihat dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan lain-lain, rakyat pelbagai kaum boleh menjadi sahabat tanpa ada mana-mana pihak yang melakukan provokasi bersifat perkauman. Marilah kita menang bersama-sama bagi mewujudkan perpaduan. Keluarga Malaysia perlu teguh bersama.

PENULIS ialah wartawan Utusan Malaysia

# Don't hoard or ration cooking oil, Annuar urges traders

**SERDANG:** Those directly involved in the ecosystem for production and sale of palm-based cooking oil should avoid hoarding or rationing the commodity following the setting of its ceiling price at RM34.70 for each 5kg bottle effective today, says Tan Sri Annuar Musa.

The chairman of the Task Force on Jihad Against Inflation said if traders and retailers resorted to such practices, they would ultimately lose out, apart from creating problems for consumers.

"Just because the price of oil will drop, for example, people should not start hoarding. It won't solve the problem," he told reporters after visiting the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha 2022) at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) here yesterday.

He said this when asked on the possibility of irresponsible parties hoarding cooking oil when its price was low, a practice which could lead to a shortage of supply in the local market.

He also advised those concerned to steer clear of any activities which were against the law and to abide by the government's decision in placing certain goods or commodities under the ceiling price list.

Meanwhile, Annuar said it was apparent that cooperation among agencies had produced a positive impact as some supermarkets had begun reducing the price of unsubsidised cooking oil, although the ceiling price would only come into effect today.

"So far, I am very satisfied because after the announcement on the maximum price for cooking oil, many have reduced the price to below RM34.70 even before Aug 8.

"Yesterday (Saturday), I saw chicken being sold at RM7.99 per kg in Melaka, although the ceiling price is RM9.40. That means we can do it (reduce prices), but we need the cooperation of all parties," he said, reported Bernama.

The government has set the ceiling price of unsubsidised pure palm-based cooking oil at RM34.70 per 5 kg bottle effective Aug 8.

Following this, the price of cooking oil will be set each month and announced by the Malaysian Palm Oil Board (MPOB).

On Maha 2022, Annuar said its focus was on aspects of technology and digital applications in agriculture, which play an important role in ensuring food security in the long term.

The government would continue to encourage farmers to apply elements of technology in agriculture, he added.



08 AUG, 2022

# Solution for price hike needed

Malaysian Nanban, Malaysia



# பொருள் விலை உயர்வுக்குத் தீர்வு!

8.8.2022 திங்கட்கிழமை

நண்பன் தலையங்கம்

நாட்டில் விலைவாசி உயர்வுக்கு முக்கிய காரணமாக விளங்கும் இடைத் தரகர்கள் உட்பட ஏமாற்று வேலைகளில் ஈடுபட்டு வரும் பொறுப்பற்ற வியாபாரிகளுக்கு எதிராக அரசாங்கம் கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்க வேண்டும் என மலேசிய நண்பன் தேசிய கூட்டணி அரசாங்கத்தை வலியுறுத்திக் கேட்டுக் கொள்கிறது.

அண்மைக்காலமாக நாட்டு மக்கள் விலைவாசி - வாழ்க்கைச் செலவின உயர்வால் பல்வேறு நிதி நெருக்கடிகளை எதிர்நோக்கி வருகின்றனர். விலைவாசி உயர்வுக்கு என்னதான் காரணம் என நாட்டு மக்கள் புலம்பிக் கொண்டிருக்கும் வேளையில், நாட்டில் அத்தியாவசிய பொருள் விலையுயர்விற்கும் பண வீக்கத்திற்கும் காரணமான இடைத்தரகர்கள் மற்றும் தில்லு முல்லு கும்பல்களுக்கு எதிராக அரசாங்கம் கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்கும் என்று பிரதமர் டத்தோ ஸ்ரீ இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் எச்சரிக்கை விடுத்துள்ளது நாட்டு மக்களின் இப்பிரச்சினைக்கு அரசாங்கம் விரைவில் தீர்வு காணும் என்ற நம்பிக்கையை மக்களிடையே ஏற்படுத்தியுள்ளது.

விவசாயத் துறையிலும் உணவு விநியோகத்துறையிலும் நடமாடும் இந்த கும்பல்களே, நாடு எதிர்நோக்கி வரும் பொருள் விலை உயர்விற்கும் பண வீக்கத்திற்கும் முக்கிய காரணம் என்பதை அரசாங்கம் உணர்ந்து கொண்டுள்ளது பாராட்டுக்குரியது.

நாட்டில் கோழி விலை உயர்வுக்கு இவர்களே முக்கிய காரணமாக இருந்து வந்துள்ளனர் என்பது இப்போது அம்பலமாகியுள்ள வேளையில், அரசாங்கம் இக்கும்பலுக்கு எதிராகவும் பல்வேறு தில்லுமுல்லு வேலைகளில் ஈடுபட்டு வரும் பொறுப்பற்ற தரப்பினருக்கு எதிராகவும் கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்க வேண்டிய நேரம் வந்துவிட்டது.

விவசாயிகள் குறிப்பாக காய்கறி பயிரிடுவோர் உட்பட மீனவர்களிடமிருந்து குறைந்த விலையில் வாங்கப்படும் காய்கறிகள், மீன்கள் பின்னர் மக்களின் கழுத்தை நெரிக்கும் அளவுக்கு அவை அதிக விலையில் விற்பனை செய்யப்படுவதற்கும் இந்த இடைத்தரகர்களே முக்கிய காரணமாக விளங்கி வருகின்றனர்.

நாட்டில் பொருள் விலையை இந்த இடைத்தரகர்களே ஆக்கிரமித்து வருகின்றனர் என்பதை உணர்ந்து கொண்டுள்ள அரசாங்கம், அவர்களின் ஆக்கிரமிப்பை தகர்த்தெறிந்து, நாட்டில் காய்கறிகளும் மீன்களும் நியாயமான விலையில் விற்பனை செய்யப்படுவதை உறுதிப்படுத்த வேண்டும்.

நாட்டில் பொருள் விலையை உயர்த்துவதற்கு பல்வேறு குறுக்கு வழிகளில் ஈடுபட்டு வரும் இடைத்தரகர்களின் கொட்டத்தை அடக்கு வதற்கு விவசாய - உணவு உற்பத்தித்துறை அமைச்சு உட்பட ஃபாமா எனப்படும் கூட்டரசு விவசாய விற்பனை வாரியமும் முக்கிய பங்காற்ற வேண்டும்.

இப்பிரச்சினைக்குத் தீர்வு காண அரசாங்கம் நாடு முழுவதும் மலேசிய குடும்ப விற்பனை திட்டத்திற்கு மீண்டும் உயிரூட்ட வேண்டும். நாடு முழுவதும் மலேசிய குடும்ப விற்பனை திட்டத்தின் வழி கோழி, மீன் உட்பட காய்கறிகளும் மிகவும் குறைந்த விலையில் விற்பனை செய்யப்படுவதற்கான நடவடிக்கையில் அரசாங்கம் இறங்க வேண்டும்.

நாட்டில் விலைவாசி குறைந்தால் மட்டுமே மக்களின் வாழ்க்கைச் செலவினம் குறையும் அதேவேளையில், நாட்டின் பண வீக்கத்தையும் அரசாங்கம் கட்டுப்பாட்டிற்குள் கொண்டுவர முடியும்.

நாட்டு மக்களை உலுக்கி வரும் விலைவாசி உயர்வுக்கு சாவு மணி அடிக்கப்பட்டால் மட்டுமே, நாட்டு மக்கள் எதிர்நோக்கி வரும் பல்வேறு நிதி நெருக்கடிகளுக்கு நல்லதொரு தீர்வு பிறக்கும்!

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



08 AUG, 2022

# Solution for price hike needed

Malaysian Nanban, Malaysia



## SUMMARIES

சலெவின உயர்வால் ப  மக்கள் விலவைாசி - வ க் கக் பல்வறேு தி அரசாங்கம் இக்கும் லு கு

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/8/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Bertani juga cabang TVET



ABDUL Muhaimin bersama hasil tanaman nangka yang akan dijual kepada pemborong.

PETANI bukan sekadar memegang cangkul dan membanting tulang di kebun, tetapi ia adalah bidang yang sangat luas dan perlu diteroka.

Itu definisi bidang pertanian buat Abdul Muhaimin Hussin, 34, yang juga usahawan muda agro yang berjaya.

Menyedari sektor pertanian memberi pulangan yang memberangsangkan, anak jati kelahiran Kuala Sungai Baru, Melaka ini nekad memilih menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan utama.

Kini, selepas hampir 10 tahun berada dalam dunia usahawan agro, Abdul Muhaimin boleh dianggap sebagai usahawan muda yang berjaya.

Mengimbau kembali awal pembabitannya dalam bidang pertanian ini, anak kedua dari tiga beradik ini berkata, dia memilih untuk melanjutkan pengajian di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Risda, Ayer Pa'abas, Alor Gajah kerana mengikut saranan bapanya.

Awalnya dia juga mahu mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan kerana tidak mengetahui lebih lanjut mengenai kursus yang akan diikuti iaitu sains pertanian.

"Jujurnya, saya tidak tahu mengenai sains pertanian ini dan menyangka hanya akan memegang cangkul.

"Rupanya kursus ini memberikan saya pelbagai ilmu yang pastinya di luar jangka. Banyak saya pelajari dan pastinya dapat diaplikasikan sehingga hari ini walaupun sudah 13 tahun.

"Bidang ini juga sebenarnya menawarkan peluang yang sangat luas selain kini ia adalah salah satu bidang yang cukup penting," katanya.

Terbiasa membantu keluarga dalam bertani kemudian melanjutkan pengajian pastinya proses peralihan yang sukar pernah dialami Abdul Muhaimin.

"Kita sudah terbiasa memegang cangkul tiba-tiba kena belajar. Belajar pula bidang sudah sebati dalam hidup, ia sesuatu yang sukar.

"Sehingga ada satu ketika saya tidak boleh menerimanya. Namun, lama-kelamaan saya semakin minat terutama apabila subjek itu sesuatu yang baharu atau lebih ke hadapan berbanding pengalaman saya," katanya.

Ditanya keperluan menimba ilmu walaupun sudah mengetahui selok-belok sesuatu bidang itu, akui Abdul Muhaimin, ilmu itu menjadikan kita lebih ke depan daripada orang lain.

Memang kita tahu mencangkul, tetapi bila belajar banyak yang boleh dipelajari. Sebagai contoh membuat batas, kalau dulu kita hanya menggunakan cangkul, tapi kini kita boleh menggunakan jentera.

"Selain itu, dengan gabungan pengalaman, ilmu dan teknologi yang semakin canggih dalam bidang pertanian ini, ia membuatkan kita untuk meneroka bidang ini lebih jauh," katanya.



ABDUL Muhaimin memberi susu kepada kambing peliharaannya.

"Pertanian yang juga cabang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) membolehkan pelajar lebih berkemahiran dan berdaya saing," katanya.

Selepas menamatkan pengajian, Abdul Muhaimin bekerja mencari pengalaman dengan seorang usahawan tani yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran seperti terung dan cili selama dua tahun.

Ketika itu, walaupun sudah ada asas bertani, namun banyak ilmu terutama selok-belok perniagaan berasaskan pertanian dipelajari sebaik mungkin selain menimba pengalaman menguruskan tanaman.

Abdul Muhaimin kemudian mengambil keputusan memulakan langkah pertama mengusahakan 0.8 hektar (dua ekar) tanah kebun milik keluarga berbekalkan ilmu dan pengetahuan yang diperoleh ketika belajar di UCAM.

Dia bermula dengan menanam pokok buah-buahan seperti nangka madu dan limau kasturi.

Keluasan kebun kemudian diperluas menjadi dua hektar (lima ekar) ditambah pula dengan tanaman bunga kantan dan sayur-sayuran yang mendapat begitu banyak permintaan ketika itu.

Sepanjang tempoh itu, Abdul Muhaimin mengakui, walaupun ia kelihatan berjaya, tetapi banyak cabaran yang terpaksa ditempuh antaranya tanaman diserang serangga perosak.

"Namun, saya bersyukur kerana dengan ilmu yang dipelajari menerusi kelas perosak tanaman ketika di UCAM, saya boleh mengaplikasikan semula ilmu dipelajari.

"Bukan itu saja, dengan subjek pemasaran pertanian yang dipelajari, saya mampu memasarkan hasil tanaman dituai melalui pemborong di sekitar Melaka dan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama)," katanya.

Pada 2015, Abdul Muhaimin mula berjinak-jinak dalam mengembangkan lagi perniagaannya dan menceburkan diri dalam bidang ternakan ayam kampung sebanyak 200 ekor.

Kemudian, dia menternak itik nila yang kini sudah mencapai lebih daripada 500 ekor satu pusingan serta kambing biri-biri.



-PEKERJA memetik tembikai yang sudah masak.

Malah, dia turut menceburkan diri dalam sektor perladangan kelapa sawit sejak tiga tahun lalu.

"Berbekalkan pengetahuan pengurusan ladang ketika belajar di UCAM dahulu, saya kini memiliki ladang kelapa sawit berkeluasan 32.3 hektar (80 ekar) di sekitar kawasan Alor Gajah dan Masjid Tanah," katanya.

Menerusi perniagaan yang semakin berkembang maju, Abdul Muhaimin kini berjaya memiliki pendapatan lima angka sebulan dan mampu menjadi 'pencipta kerjaya' dengan memberi peluang pekerjaan kepada tujuh pekerja untuk membantunya dalam memastikan kelancaran dan kelangsungan perniagaan.

Ditanya mengenai rahsia kejayaannya itu, kata Abdul Muhaimin, selain dorongan keluarga, minat dan keinginan untuk membuktikan bidang pertanian mempunyai peluang besar, ilmu yang dipelajari ketika di UCAM banyak membantunya.



ANTARA hasil tanaman yang boleh diperoleh di ladang Abdul Muhaimin.

"Di UCAM, kami didedahkan dengan ilmu dan pengetahuan dalam bidang pertanian yang merangkumi semua aspek iaitu teori serta amali.

"Bukan itu saja, untuk Diploma Sains Pertanian, ia turut merangkumi pelbagai subjek sains tanaman asas, tanaman makanan, pengenalan kepada ekonomi pertanian dan pengurusan tanah dan sehingga kini masih boleh diaplikasikan dalam kerja saya," katanya.